



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 72/8/17**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**FOMEN MEKANIK  
TANGGAGAJI D.4 EB.5  
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



### Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian IV

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

|  | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File                        |
|--|--------------|------------|---------------------|------------------------------------|
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a> |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>  |



**SIJIL-SIJIL** ((sepertimana kehendak skim) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

|  | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File                             |
|--|--------------|------------|---------------------|---|
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">BGCE O LEVEL.pdf</a>        |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">NTC2.pdf</a>                |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">Skill Certificate 2.pdf</a> |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">Skill Certificate 3.pdf</a> |



- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.
  
- Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

### My Profile

[Working Experience](#)

**Public and Ex-Government Employee** +

**Current Government Employee** -

|  | Start Date | To Date    | Name And Address of Employer                                   |   |
|--|------------|------------|--|---|
|  | 01/02/2015 |            | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | ▲ |
|  | 01/02/2015 | 31/01/2016 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office |   |
|  | 01/02/2014 | 31/01/2015 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | ▼ |


**Current Appointment**

Starting Date

Ministry

Department

Job Title



- 1. FOMEN MEKANIK  
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Mekanik / *Automobile* / *Automotive* / *Motor Vehicles*.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Pengawas Mekanik atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan bidang Mekanik dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berpengalaman dalam kerja-kerja pengawasan serta pengendalian pembaikan enjin, *transmission* dan *final drive* termasuk membuat pesanan barang alat-alat ganti bagi kenderaan dan jentera berat adalah kelebihan.
3. Berpengalaman dalam kerja-kerja menggunakan jentera berat dan berkebolehan di dalam berbagai-bagai jenis enjin petrol dan diesel adalah kelebihan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB FOMEN MEKANIK:**

1. Ditugaskan bagi pengawasan pada keseluruhan pada pembaikan kenderaan-kenderaan yang ada dalam pentadbiran Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.
2. Membuat jadual-jadual pemeriksaan pada semua kenderaan dan giliran bertugas kepada mekanik dan pembantu kenderaan.
3. Pengawasan latihan lanjut untuk semua kakitangan yang berkenaan.